

**Najib Sampaikan Sumbangan Bubur Lambuk
Bernama
8 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Rabu menyampaikan sumbangan 36,000 paket bubur lambuk Kampung Baru kepada warga kota sempena bulan Ramadan.

Pengerusi Jawatankuasa Masjid Jamek Kampung Baru Datuk Idris Shaari Mat Deris berkata 100 periuk digunakan untuk memasak bubur lambuk itu berbanding hanya 15 periuk pada kebiasaannya.

Ini merupakan tahun keenam Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor menyampaikan sumbangan itu.

Terdahulu, Perdana Menteri menunaikan solat Asar di masjid itu yang diimamkan Azizi Abdul Hamid Al-Hafiz.

Najib kemudian meninjau Bazar Ramadan Kampung Baru dan beramah mesra dengan golongan peniaga dan orang ramai.

Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Ahmad Phesal Talib.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686628>